

Islam: Stigma negatif perlu diubah
Utusan Online
September 26, 2011
Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI

SEREMBAN 25 Sept. - Stigma negatif pemikiran dunia terhadap Islam ketika ini perlu diubah melalui perubahan sikap dan pemikiran penganutnya jika mereka mahu diangkat sebagai umat yang dihormati dan dicontohi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kealpaan umat Islam ketika untuk mengubah sikap ini menyebabkan mereka terus menghadapi cabaran selain mendapat tentangan hebat khususnya di negara barat apabila mereka terus dilabel sebagai umat yang masih jauh ketinggalan dalam segala aspek.

Ini termasuklah diperlekehkan oleh dunia yang kini melihat Islam sebagai penganas, mundur dan lemah kerana perpecahan sesama sendiri.

"Tidak terkecuali di negara ini, masih ada lagi umat Islam itu sendiri yang sanggup menggadaikan maruah kesucian agama demi kepentingan masing-masing hanya kerana untuk mendapatkan sokongan yang bersifat sementara.

"Ini adalah ancaman yang perlu ditangani dengan segera sekiranya umat Islam di negara ini tidak mahu terpesong yang kemudiannya akan menyebabkan perpecahan sesama sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan kali ke-50 kelmarin.

Turut hadir di majlis itu, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Pengerusi Perkim negeri, Datuk Siti Rahmah Kassim.

Justeru Mohamad mahu supaya umat Islam menjadikan agama ini sebagai alat penyatuan dan bukannya untuk menjadi persengketaan sekiranya mereka mahu melihat sebagai umat yang terbaik.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0926&pub=utusan_malaysia&sec=Selatan&pg=ws_01.htm&arc=hive